A

# Pendakwa Raya lwn Muhamad Abdul Rahim bin Adnan dan satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO MT(3)45–18 TAHUN 2003
MOHD ZAWAWI SALLEH PK
3 SEPTEMBER 2007

C *Prosedur Jenayah — Hukuman — Faktor-faktor peringanan — Pesalah kanak-kanak — Homisid salah tak terjumlah membunuh — Keganasan jenayah — Sama ada pesalah patut dihantar ke Sekolah Henry Gurney*

D *Prosedur Jenayah — Hukuman — Homisid salah tak terjumlah membunuh — Pesalah kanak-kanak — Pengakuan bersalah — Kredit dan diskaun — Sama ada faktor kepentingan awam mengatasi faktor mitigasi — Sama ada hukuman yang ringan harus dijatuhkan*

E

Pesalah pertama berumur 17 tahun 6 bulan dan pesalah kedua berumur 15 tahun semasa dipertuduh melaksanakan niat bersama melakukan kesalahan melakukan homisid salah tak terjumlah membunuh dengan menyebabkan kematian seorang lelaki India yang boleh dihukum di bawah
F s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama dengan s 34 Kanun yang sama. Kedua-dua pesalah mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat. Pesalah pertama merayu supaya dijatuhkan hukuman yang seringan-ringannya memandangkan kepada faktor-faktor peringanan, antara lain: (a) pengakuan bersalah; (b) laporan pegawai akhlak yang mengesyorkan
G hukuman yang seringan-ringannya disebabkan faktor usia beliau; (c) tiada kesalahan lalu; (d) 'Trend' penghukuman bagi kesalahan homisid salah tak terjumlah membunuh yang dilakukan oleh 'kanak-kanak' atau juvana ialah antara lima hingga enam tahun. Pesalah kedua juga mengemukakan faktor rayuan yang hampir sama dengan pesalah pertama. Walau bagaimanapun,
H beliau merayu supaya dihantar ke Sekolah Henry Gurney atas alasan-alasan yang berikut: (a) semasa kesalahan dilakukan, pesalah kedua berumur 15 tahun dan pada masa perbicaraan, berumur 20 tahun. Oleh itu dia masih berumur di bawah 21 tahun; (b) 'Trend' keputusan kes-kes menunjukkan bahawa 'kanak-kanak' yang tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu tidak
I dihantar ke penjara. Sebaliknya, timbalan pendakwa raya yang bijaksana meminta mahkamah memberi pertimbangan terhadap cara bagaimana kesalahan telah dilakukan oleh kedua-dua pesalah di mana mereka telah bertindak dengan ganas dan kejam tanpa belas kasihan terhadap si mati dan tanpa apa-apa alasan.

**Diputuskan**, menjatuhkan hukuman penjara:

(1) Dalam kes ini, mahkamah telah mengambilkira pengakuan bersalah yang dibuat oleh pesalah-pesalah. Walau bagaimanapun, kredit dan diskaun untuk pengakuan bersalah hanyalah merupakan satu kenyataan rukun yang bersifat umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk dipakai dalam semua kes. Pengakuan bersalah hanya boleh memihak kepada pesalah-pesalah apabila faktor-faktor lain dan keadaan di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan mengizinkan pertimbangan sedemikian diberikan kepada pesalah-pesalah. Ini bermakna sesuatu pengakuan bersalah tidak akan secara automatik membolehkan pesalah-pesalah mendapat hukuman yang lebih ringan. Dalam keadaan-keadaan tertentu, faktor kepentingan awam mengatasi segala faktor mitigasi yang diberikan dari pengakuan bersalah pesalah-pesalah (lihat perenggan 24).

(2) Adalah merupakan amalan yang diterima bagi menimbangkan umur yang relevan pada masa kesalahan dilakukan. Kedudukan pesalah sebagai seorang kanak-kanak adalah merupakan salah satu daripada faktor-faktor peringanan yang paling berkesan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada fakta yang terdapat dalam kes ini, mahkamah memberi keutamaan kepada tujuan deteren kerana kesalahan yang dilakukan adalah serius (lihat perenggan 28).

(3) Berdasarkan kepada fakta tidak wajar untuk menjatuhkan hukuman yang ringan semata-mata kerana pesalah-pesalah termasuk di bawah tafsiran 'kanak-kanak' di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 ('Akta tersebut'). Sekiranya satu hukuman yang setimpal tidak dijatuhkan kepada pesalah-pesalah, ia akan memberi isyarat yang salah kepada 'kanak-kanak' lain dan masyarakat umum bahawa mahkamah akan menunjukkan perasaan belas kasihan dan berlembut jika mereka melakukan kesalahan tersebut. Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah seharusnya mencerminkan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat (lihat perenggan 29).

(4) Mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak realistik untuk menjatuhkan sesuatu hukuman berdasarkan 'trend' hukuman yang telah diputuskan oleh kes-kes terdahulu. Kes-kes terdahulu hanya boleh dijadikan panduan untuk mengetahui rukun-rukun penghukuman dan pengaplikasian rukun-rukun tersebut terhadap fakta sesuatu kes (lihat perenggan 32).

(5) Berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, pesalah kedua tidak sesuai untuk diuruskan menurut s 96(2) Akta tersebut kerana kesalahan yang telah dilakukan adalah serius dan melihat cara bagaimana kesalahan dilakukan oleh pesalah kedua bersama-sama dengan pesalah pertama, mereka adalah penjenayah muda yang berbahaya dan

berkecenderungan agresif dan memerlukan pemulihan dalam masa yang panjang. Pada tarikh penghukuman, pesalah kedua berumur 20 tahun. Oleh itu, jika beliau perintahkan dihantar ke Sekolah Henry Gurney, beliau akan berada di sekolah tersebut selama satu tahun sahaja iaitu sehingga berumur 21 tahun. (Lihat s 75(2)(ii) Akta tersebut). Tempoh yang singkat tersebut tidak memadai untuk memberi pemulihan yang diperlukan untuk mendorong pesalah kedua daripada cara-cara penghidupan jenayah kepada penghidupan yang sebenar (lihat perenggan 36).

(6) Peranan yang dimainkan oleh pesalah kedua dalam kes ini tidak kurang kejamnya daripada peranan pesalah pertama. Selain daripada faktor umur, tidak terdapat alasan-alasan yang mewajarkan hukuman terhadap pesalah kedua berlainan dengan hukuman terhadap pesalah pertama. Sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman yang berbeza terhadap pesalah kedua, dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, akan berlaku ketidakseragaman hukuman ('disparity of sentence') yang serius (lihat perenggan 37).

**[English summary**

The first offender was 17 years and 6 months old and the second offender was 15 years old when they were charged with committing an offence in furtherance of a common intention to commit culpable homicide not amounting to murder by causing the death of an Indian man punishable under s 302 of the Penal Code ('Code') read together with s 34 of the same Code. Both the offenders pleaded guilty unconditionally. The first offender pleaded for a lighter sentence based on the mitigating factors, inter alia: (a) plea of guilty (b) the report by the probationary officer who recommended that the first offender be given a lighter sentence due to his age factor; (c) there were no past convictions; (d) the sentencing trend for culpable homicide not amounting to murder committed by 'children' or juvenile was between five to six years. The second offender also presented almost similar mitigating factors as the first offender. However, he submitted that he ought to be sent to the Henry Gurney School based on the following reasons: (a) at the time of the offence, the second offender was 15 years old and at the time of trial, aged 20. Therefore, he was still below 21 years old; (b) the trend of decision in cases showed that a child who had no past criminal records were not sent to prison. On the other hand, the learned deputy public prosecutor urged the court to consider the manner in which the crime was committed by both the offenders where they had acted in a vicious and cruel manner without any sympathy towards the deceased and without any reasons.

**Held**, sentencing with imprisonment:

(1) In this case, the court had considered the guilty plea by the offenders.

However, credit and discount for such guilty plea is only a general rule and not required to be used in all cases. This guilty plea could only favour the offender when other factors and circumstances in which a particular crime was committed allowed for such consideration to be given to the offender. This means that a plea of guilty will not automatically enable the offenders to obtain a lighter sentence. In certain circumstances, public interest prevail over other mitigating factors from the plea of guilty of the offender (see para 24).

(2) It is a general acceptable practice to consider the relevant age at the time of commission of the offence. The offender being a 'child' is one of the most effective mitigating factors. However, based on the facts of the case, the court gave priority to a deterrent sentence as the offence committed was serious (see para 28).

(3) Based on the facts, it was not proper to give a light sentence just because the offender was defined as 'child' under the Child Act 2001 ('the Act'). If an appropriate sentence was not given to the offenders, it would send a wrong message to other 'children' and the general public that the court would sympathise and be lenient if they commit a crime. The sentence imposed by the court ought to reflect the social changes in the society (see para 29).

(4) The court was of the view that it was unrealistic to pass a sentence based on sentencing trend of the decided cases. The cases could only be used as a guide on sentencing rules and the application of those rules to the facts of a particular case (see para 32).

(5) Based on the circumstances of this case, the second offender should not be dealt according to s 96(2) of the Act as the crime committed was serious and looking at the manner how the crime was committed by both the first and second offenders, they were young criminals who were dangerous and of aggressive nature and needed a longer period of rehabilitation. On the date of sentencing, the second offender was aged 20. Hence, if he was to be sent to Henry Gurney school, he would be there for only one year until the age of 21 (see s 75(2)(ii) of the Act). The short period was insufficient to rehabilitate and to induce the second offender to abandon his life of crime to a real life (see para 36).

(6) The role played by the second offender in this case was not less cruel as the role of the first offender. Other than the age factor, there were no other reasons that warranted a different sentence on the second offender as that of the first offender. If the court was to deliver a different sentence on the second offender, in circumstances that existed in this case, there will be a serious disparity of sentence (see para 37).]

**Nota-nota yang dirujuk**

Untuk kes-kes mengenai homisid salah tak terjumlah membunuh, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan-perenggan 3556–3560.
Untuk kes-kes mengenai faktor-faktor peringanan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan-perenggan 3804–3836.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Abdul Karim v R* [1954] MLJ 86 (dirujuk)
*Kong Teng Soon & Anor v PP* [2002] 2 AMR 1357 (dirujuk)
*Lee Chow Meng v PP* [1976] 1 MLJ 287 (dirujuk)
*Lim Guan Eng v PP* [1998] 3 MLJ 14 (dirujuk)
*Mohamed Abdullah Ang Swee Kang v PP* [1988] 1 MLJ 167 (dirujuk)
*Ong Lai Kim v PP and other appeals* [1991] 3 MLJ 111 (dirujuk)
*PP v Francis Kuin* [2006] 6 CLJ 103 (dirujuk)
*PP v Low Kian Boon & Ors* [2006] 6 MLJ 254 (dirujuk)
*PP v Mustapha bin Abdullah* [1997] 2 MLJ 424 (dirujuk)
*PP v Nazarudin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 (dirujuk)
*PP v Rajandran & Anor* [1985] 2 MLJ 260 (dirujuk)
*PP v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45 (dirujuk)
*PP v Safian Abdullah & Anor* [1983] 1 CLJ 324 (diikuti)
*PP v Sharithan Pachemuthu* [2000] 5 CLJ 15 (dirujuk)
*PP v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74 (dirujuk)
*PP v Wong Wei Choon* [2007] 8 CLJ 536 (dirujuk)
*PP v Saiful Afikin bin Mohd Firus* [1996] 4 MLJ 309 (dirujuk)
*PP v Yap Chong Fatt* [1963] MLJ 136 (dirujuk)
*Pendakwa Raya lwn Wahid bin Yaakob* [1996] 5 MLJ 29 (dirujuk)
*R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 (dirujuk)
*R v Costen* (1989) 11 Cr App R (S) 182 (dirujuk)
*R v Fawcett* (1983) 5 Cr App R (S) 158 (dirujuk)
*R v Meade* (1982) 4 Cr App R (S) 193; Cr LR 613 (dirujuk)
*R v Robertshaw* (1981) 3 Cr App R (S) 77 (dirujuk)
*Sau Soo Kim v PP* [1975] 2 MLJ 134 (dirujuk)
*Soong Hee Sin v R* [2001] 2 SLR 253 (dirujuk)
*Tan Bok Yeng v PP* [1972] 1 MLJ 214 (dirujuk)
*Tukiran bin Taib v PP* [1955] MLJ 24 (dirujuk)
*Wong Voon Loong Iwn Pendakwa Raya* [2002] 6 MLJ 683 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Kanak-Kanak 2001 ss 2, 75(2)(ii), 96(2)
Kanun Keseksaan ss 34, 302, 304

*Akram Gharib (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.*
*Faizal Abu Bakar (Faizal Siow Brockert & Co) dan R Subash (Maniam Nair & Co) bagi pihak tertuduh.*

**Mohd Zawawi Salleh PK:**

LATAR BELAKANG

**[1]** Muhamad Abdul Rahim bin Adnan ('pesalah pertama'), pada masa kejadian berumur 17 tahun 6 bulan (lahir pada 18 Februari 1985) dan Mohd Faizal bin Razali ('pesalah kedua'), pada masa kejadian berumur 15 tahun (lahir pada 6 Ogos 1987), pada mulanya dipertuduh dalam melaksanakan niat bersama, pada 26 Ogos 2002, telah melakukan kesalahan membunuh dengan menyebabkan kematian terhadap seorang lelaki India bernama Nandakumar a/l Jayabalan, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan (Akta 574) dibaca bersama dengan s 34 Akta yang sama. Kedua-dua pesalah minta dibicarakan.

**[2]** Walau bagaimanapun, pada hari kes ini ditetapkan untuk perbicaraan, iaitu pada 30 Julai 2007, atas representasi yang dibuat oleh peguam-peguam pesalah pertama dan pesalah kedua, timbalan pendakwa raya telah menawarkan pertuduhan alternatif, iaitu homisid salah tak terjumlah membunuh, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah cabang pertama s 304 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Akta yang sama.

**[3]** Pertuduhan alternatif (eksh P3) ialah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 26 Ogos 2002, jam antara 4 pagi dan 6 pagi di bilik No 201, Hotel Hill Court, Jalan Jaya, Taman Maju Jaya, di dalam daerah Johor Bahru, di dalam Negeri Johor Darul Takzim, dalam memajukan niat bersama kamu telah melakukan homisid salah tak terjumlah membunuh dengan menyebabkan kematian seorang lelaki India bernama Nandakumar a/l Jayabalan K/P: 750303-08-6757, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah cabang pertama s 304 Kanun Keseksaan, dibaca bersama s 34 Kanun yang sama.

**[4]** Pertuduhan alternatif kemudiannya telah dibaca dan diterangkan kepada setiap pesalah. Selepas kedua-dua pesalah faham akan rupa jenis dan akibat pertuduhan itu, mereka telah mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat. Peguam-peguam pesalah pertama dan pesalah kedua juga mengesahkan kepada mahkamah bahawa anak guam mereka berhasrat untuk mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat.

**[5]** Timbalan pendakwa raya telah membentangkan fakta kes (eksh P4) seperti yang berikut:

1 Pada 26 Ogos 2002, jam lebih kurang 1 pagi, semasa kedua-dua pesalah berada di Stulang Laut bersama-sama Saidatul Marsita bte Esa dan

Noorazirah bte Ramli, si mati, seorang lelaki India bernama Nandakumar a/l Jayabalan, KP: 750303-08-6757, telah datang dan bertanya kepada kedua-dua pesalah sama ada beliau boleh 'main' dengan salah seorang rakan wanita kedua-dua pesalah itu dengan harga RM150.

2 Kemudiannya, atas persetujuan Saidatul Marsita sendiri, kedua-dua pesalah, Noorazirah dan si mati, kesemua mereka telah pergi ke Hotel Hill Court, Jalan Jaya, Taman Maju Jaya dengan menggunakan kereta milik si mati dan mereka sampai di tempat tersebut pada jam lebih kurang 4 pagi.

3 Sebelum itu, si mati dan pesalah pertama telah singgah di kedai 7–Eleven untuk membeli beberapa buah botol arak.

4 Pesalah pertama telah menyewa bilik No 201, Hotel Hill Court dan didaftarkan atas nama Saidatul Marsita.

5 Kedua-dua pesalah, Saidatul Marsita, Noorazirah dan si mati kemudiannya dilihat telah memasuki bilik 201, Hotel Hill Court tersebut.

6 Sebaik sahaja masuk ke dalam bilik tersebut, Saidatul Marsita dan si mati telah melakukan hubungan seks di salah sebuah katil yang terdapat di dalam bilik itu sambil disaksikan oleh kedua-dua pesalah dan Nooraziah.

7 Semasa si mati dan Saidatul Marsita sedang melakukan hubungan seks, pesalah kedua telah mengambil seutas tali dan menjerut leher si mati. Sementara itu, pesalah pertama pula telah mengambil sebuah botol Carlsberg dan menghentakkannya ke atas kepala si mati. Selepas itu, pesalah pertama telah mengambil televisyen yang terdapat di dalam bilik itu dan menghentakkannya ke atas kepala si mati. Pesalah pertama seterusnya mengambil tali dari tangan pesalah kedua dan terus menjerut leher si mati dan pesalah kedua pula mengambil botol Carlsberg yang telah pecah untuk menikam bahagian leher, perut dan bahagian-bahagian lain badan si mati.

8 Kedua-dua pesalah, Saidatul Marsita dan Noorazirah kemudiannya dilihat keluar dari bilik 201, Hotel Hill Court pada jam lebih kurang 6 pagi. Mereka kemudiannya beredar dari hotel tersebut dengan menggunakan kereta Satria GT milik si mati. Sebelum keluar dari bilik hotel itu, pesalah pertama telah sempat mengambil dompet duit milik si mati.

9 Mayat si mati hanya ditemui oleh pengawal keselamatan Hotel Hill Court pada 27 Ogos 2002, jam lebih kurang 12.34 pagi.

10 Mayat si mati kemudiannya telah dihantar ke Hospital Sultanah Aminah pada 27 Ogos 2002, jam lebih kurang 2.40 pagi. Bedah siasat dijalankan pada 28 Ogos 2002, jam lebih kurang 3 petang oleh Dr Shahidan bin Mohd Noor.

11 Hasil bedah siasat menunjukkan bahawa punca kematian si mati ialah berpunca dari 'ligature strangulation and incised wounds on the neck'

**[6]** Timbalan pendakwa raya juga telah mengemukakan ekshibit-ekshibit yang berikut:

(i) lapan keping gambar-gambar tempat kejadian (eksh P5A-H);

(ii) sembilan keping gambar-gambar jenazah (eksh P6A-I);

(iii) sesalinan rajah kasar dan kunci rajah kasar tempat kejadian (eksh P7 dan P7K);

(iv) resit rasmi Jabatan Kimia Malaysia Johor Bahru (eksh P8);

(v) Laporan Kimia, No Makmal: (JB)FOR 2620/02-0 (eksh P9);

(vi) Post Mortem Examination Report on Nandakumar a/l Jayabalan (Autopsy No 294/02 (eksh P10);

(vii) sebuah televisyen berjenama Samsung (eksh P11);

(viii) Buku Pendaftaran Tetamu Hotel Hill Court (eksh P12);

(ix) wayar yang digunakan untuk menjerut leher si mati (eksh P13);

(x) Laporan Polis Sentral Johor Bahru: 21714/02 (eksh P14); dan

(xi) Laporan Polis Johor Bahru: 21865/02 (eksh PI5).

**[7]** Fakta kes telah dibaca dan diterangkan satu persatu kepada kedua-dua pesalah. Ekshibit-ekshibit juga telah ditunjuk dan diterangkan kepada kedua-dua pesalah. Pesalah pertama dan kedua mengakui fakta kes dan ekshibit-ekshibit sebagai betul. Peguam-peguam mereka juga mengesahkan fakta kes dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan sebagai betul. Setelah mahkamah berpuashati bahawa pesalah pertama dan kedua memahami rupa jenis dan akibat pengakuan mereka dan mengakui sebagai betul fakta kes dan ekshibit-ekshibit yang dikemukakan, mahkamah merekodkan pengakuan bersalah dan mensabitkan mereka sewajarnya.

**[8]** Memandangkan pada masa kejadian pesalah pertama berumur 17 tahun 6 bulan dan pesalah kedua berumur 15 tahun, mahkamah telah menangguhkan perbicaraan kepada 9 Ogos 2007 dan mengarahkan supaya laporan akhlak bagi kedua-dua pesalah disediakan. Pada 9 Ogos 2007, Puan Noraini bte Md Salleh, Pegawai Akhlak, Johor Bahru telah mengangkat

A sumpah dan berikrar di kandang saksi dan mengemukakan laporan akhlak pesalah pertama sebagai eksh P17 dan laporan akhlak pesalah kedua sebagai eksh P18 masing-masingnya.

RAYUAN PERINGANAN

B

**[9]** Encik Faizal Abu Bakar, peguambela terpelajar pesalah pertama merayu supaya anak guamnya dijatuhkan hukuman yang seringan-ringannya memandangkan kepada faktor-faktor peringanan yang berikut:

C

(a) Pengakuan bersalah.

Pesalah pertama telah mengaku bersalah sebaik sahaja pertuduhan alternatif dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa beliau telah insaf dan menyesal atas perbuatan yang telah dilakukan. Pesalah pertama memohon maaf kepada keluarga si mati atas peristiwa yang malang ini. Pengakuan bersalah ini hendaklah diambil kira sebagai faktor peringanan kerana walaupun seseorang pesalah itu merupakan seorang penjenayah tegar, pengakuan tersebut boleh menjimatkan kos, masa dan ketidakselesaan kepada semua pihak yang terlibat terutama kepada mahkamah dan saksi-saksi. Rujukan dibuat, antara lain, kepada kes-kes *Sau Soo Kim v Public Prosecutor* [1975] 2 MLJ 134, *Public Prosecutor v Nazaruddin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9; *Pendakwa Raya lwn Wahid bin Yaakob* [1996] 5 MLJ 29, *Mohammed Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167 dan *Public Prosecutor v Ravindran & Ors* [1993] 1 MLJ 45

D

E

F

(b) Pesalah pertama ialah seorang 'kanak-kanak' dalam makna s 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) semasa kejadian. Pertimbangan utama di dalam segala tindakan yang menyentuh hal ehwal 'kanak-kanak' ialah kebajikan dan kesejahteraan 'kanak-kanak' berkenaan — Peguambela yang terpelajar menghujahkan bahawa mengikut laporan akhlak pesalah pertama (eksh P17), Pegawai Akhlak mengesyorkan agar pesalah pertama dijatuhi hukuman yang seringan-ringannya disebabkan faktor usia beliau yang masih muda semasa kesalahan dilakukan. Penahanan di dalam penjara selama lima tahun sementara menunggu perbicaraan kes ini telah memberi keinsafan yang mendalam kepada beliau. Pesalah pertama masih diperlukan oleh keluarganya untuk membantu meringankan beban keluarganya. Semasa beliau melakukan kesalahan ini, beliau di dalam keadaan mabuk kerana dipengaruhi oleh minuman keras. Faktor usianya juga telah menunjukkan pemikiran pesalah pertama yang belum begitu matang. Oleh itu peguambela yang terpelajar menghujahkan bahawa pesalah pertama wajar dilepaskan dengan

G

H

I

serta merta kerana dia telah pun ditahan di penjara selama lima tahun. Pemenjaraan lanjut terhadapnya adalah tidak sejajar dengan kepentingan awam. A

(c) Tiada kesalahan lalu.
Pesalah pertama tidak terlibat dengan mana-mana kesalahan jenayah yang lalu. B

(d) 'Trend' penghukuman.
'Trend' penghukuman bagi kesalahan homisid salah tak terjumlah membunuh yang dilakukan oleh 'kanak-kanak' atau juvana ialah antara lima hingga enam tahun. Rujuk kes-kes *Public Prosecutor v Nazarudin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9 dan *Public Prosecutor v Wong Wei Choon* [2007] 8 CLJ 536. C

**[10]** Encik R Subash, peguambela yang terpelajar pesalah kedua, telah mengemukakan faktor rayuan yang hampir sama dengan pesalah pertama iaitu anak guamnya telah mengaku bersalah, pesalah kedua ialah seorang 'kanak-kanak' semasa kesalahan dilakukan dan tiada kesalahan yang lalu. Walau bagaimanapun, beliau merayu supaya pesalah kedua dihantar ke Sekolah Henry Gurney atas alasan-alasan yang berikut: D

E

(a) Semasa kesalahan dilakukan, pesalah kedua berumur 15 tahun dan pada masa perbicaraan, berumur 20 tahun. Oleh itu dia masih berumur di bawah 21 tahun.

(b) 'Trend' keputusan kes-kes menunjukkan bahawa 'kanak-kanak' yang tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu tidak dihantar ke penjara. Lihat kes-kes *Wong Voon Loong lwn Pendakwa Raya* [2002] 6 MLJ 683, *Tukiran bin Taib v Public Prosecutor* [1955] MLJ 24, *Public Prosecutor v Saiful Afikin bin Mohd Firus* [1996] 4 MLJ 309, *Public Prosecutor v Sharitha Pachemuthu* [2000] 5 CLJ 15 dan *Public Prosecutor v Francis Kuin* [2006] 6 CLJ 103. F G

(c) Mahkamah harus memberi pertimbangan kepada s 96(2) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang memperuntukkan: 'A child aged fourteen years or above shall not be ordered to imprisonment if he can be suitably dealt with in any other way whether by probation, or fine, or being sent to a place of detention or an approved school, or a Henry Gurney School, or otherwise.' H

**[11]** Mahkamah juga telah memberi peluang kepada pesalah pertama dan kedua serta ibu bapa mereka untuk membuat rayuan kepada mahkamah. Pesalah pertama dan kedua serta ibu bapa mereka memohon supaya suatu hukuman yang ringan dikenakan. Pesalah pertama dan kedua juga berjanji untuk menjadi warganegara yang baik, mematuhi undang-undang dan akan berbakti kepada kedua ibu bapa mereka. I

A RAYUAN PEMBERATAN HUKUMAN

**[12]** Encik Akram Gharib, timbalan pendakwa raya yang terpelajar meminta mahkamah memberi pertimbangan terhadap cara bagaimana kesalahan telah dilakukan oleh kedua-dua pesalah. Mereka telah bertindak B dengan ganas dan kejam tanpa kasihan belas terhadap si mati dan tanpa apa-apa alasan. Satu nyawa yang tidak berdosa telah melayang. Mahkamah wajar bersimpati terhadap pesalah-pesalah muda tetapi pada masa yang sama mahkamah juga perlu mengambilkira kepentingan awam dan penderitaan C atas kehilangan anak yang tersayang di pihak ibu bapa dan keluarga si mati. Mereka menanggung penderitaan secara senyap dan selalu dilupakan.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

D **[13]** Selepas memberi pertimbangan kepada fakta kes dan rayuan peringanan yang dikemukakan oleh peguam-peguam yang bertindak bagi pihak pesalah pertama dan kedua, rayuan pesalah pertama dan kedua sendiri, ibu bapa mereka, laporan akhlak (eksh P17 dan P18) serta timbalan pendakwa raya, mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara selama E sepuluh tahun terhadap setiap pesalah yang berkuatkuasa dari tarikh pesalah pertama ditangkap (28 Ogos 2002) dan pesalah kedua ditangkap (31 Ogos 2002) adalah setimpal, saksama dan adil dalam kes ini.

F **[14]** Pesalah kedua tidak berpuashati dan merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

PEMERHATIAN UMUM

G **[15]** Dalam penghujahan timbalan pendakwa raya dan peguambela kedua-dua pesalah bagi membantu mahkamah menentukan hukuman yang sesuai dalam kes ini, pelbagai isu telah ditimbulkan termasuklah ketidakseragaman hukuman ('disparity of sentence') yang telah dijatuhkan oleh mahkamah terhadap pesalah 'kanak-kanak' dan tentang perlunya H penghukuman kes-kes jenayah yang dilakukan oleh 'kanak-kanak' dikendalikan secara berlainan dari kes-kes jenayah yang dilakukan oleh orang dewasa.

**[16]** Dalam hal sedemikian, barangkali adalah sesuai manfaat sekiranya I sebelum mahkamah mengemukakan alasan spesifik mengenai hukuman yang telah dijatuhkan, pemerhatian umum mengenai perkara ini dibuat.

**[17]** Adalah diakui bahawa penentuan hukuman yang sesuai dalam sesuatu kes jenayah, terutama kes-kes yang melibatkan 'kanak-kanak', adalah

merupakan suatu pelaksanaan budi bicara yang sukar oleh pihak mahkamah atas pelbagai sebab. Pertama, dalam kebanyakan kes, Parlimen hanya menetapkan pilihan hukuman yang boleh dijatuhkan atau menetapkan hukuman maksimum. Dengan demikian terpulanglah kepada mahkamah untuk membuat pilihan mengenai hukuman yang sesuai berdasarkan fakta sesuatu kes. Kedua, dalam memilih hukuman yang sesuai, mahkamah bukan sahaja perlu mempertimbangkan fakta kes tetapi perlu juga mengambil kira kesan hukuman tersebut kepada kepentingan awam sebagai suatu langkah kawalan sosial (social control). Oleh itu, kesan hukuman yang perlu dipertimbangkan bukan sahaja terhad ke atas pesalah itu sendiri tetapi juga terhadap masyarakat seluruhnya. Mahkamah yang menjatuhkan sesuatu hukuman bukan sahaja perlu mengambil kira apa yang telah terjadi dalam sesuatu kes tetapi juga 'should have its eye to the future'. Ketiga, tujuan yang hendak dicapai oleh penghukuman itu sendiri pun tidak dapat disepakati oleh semua pihak yang terlibat dengan pentadbiran keadilan jenayah. Oleh itu, dalam mempertimbangkan hukuman yang sesuai untuk kes-kes jenayah, kadangkala berlaku 'conflict of attitude' antara mahkamah dengan pihak pendakwaan, pihak pembelaan, pegawai akhlak, ahli psikologi dan pihak-pihak lain. Terdapat juga ketidakseragaman hukuman antara satu mahkamah dengan mahkamah yang lain. Perkara ini berlaku kerana banyak faktor yang *boleh* diambil kira semasa menjatuhkan hukuman tetapi tidak semuanya *mesti* diambil kira. Seseorang hakim mungkin memberi keutamaan kepada fakta bahawa seseorang, pesalah muda perlu diberi pemulihan dan dikembalikan ke pangkuan masyarakat dengan segera. Oleh itu hukuman yang dikenakan adalah lebih ringan. Seseorang hakim yang lain pula mungkin memberi penekanan kepada mudarat atau akibah yang telah dilakukan oleh pesalah terhadap mangsanya. Ia juga mungkin memberi penekanan kepada kepentingan awam. Oleh itu hukuman yang dikenakan adalah lebih berat dan bagi tujuan mencegah.

**[18]** Berhubung dengan pengendalian kes-kes 'kanak-kanak' yang terlibat dengan kesalahan jenayah, mahkamah menyedari bahawa terdapat andaian-andaian tertentu. Pertama, adalah lebih senang untuk memulih atau mereformasi seseorang pelaku jenayah ketika ia masih muda. Kedua, untuk memasukkan pesalah muda ke dalam penjara dan diletakkan bersama-sama dengan pesalah dewasa akan meninggalkan 'stigma' dan 'trauma' yang boleh menjejaskan keadaan emosional minda pesalah muda itu. Ketiga, tujuan undang-undang, terutama 'kanak-kanak' yang dibicarakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 adalah lebih ke arah melindungi, menjaga dan mendorong 'kanak-kanak' itu dari meneruskan kerjaya jenayahnya dan bukan bertujuan untuk mendakwa dan menghukum mereka.

**[19]** Walau bagaimanapun, andaian-andaian tersebut adalah merupakan andaian-andaian umum dan bukan semestinya dipakai dalam semua kes.

Andaian-andaian itu perlu diteliti bersama-sama dan diimbangi dengan faktor-faktor lain yang terdapat dalam sesuatu kes.

**[20]** Walau apa pun, pada pandangan mahkamah ini, rukun penghukuman yang perlu dipakai oleh mahkamah sudah mantap. Rukun ini telah dinyatakan dalam kes tersohor *R v Ball* (1951) 35 Cr App R 164 di mana Mahkamah Rayuan telah merumuskan semula rukun-rukun yang boleh memberi panduan kepada sesuatu mahkamah dalam menimbangkan hukuman yang sesuai:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain consideration. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn criminal way to honest living. Our law does not, therefore fix the sentence for a particular crime but it fixes a maximum sentence and leaves circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and the duty to decide whether to be lenient or severe.

**[21]** Dalam kes *Lim Guan Eng and other appeals v Public Prosecutor* [1998] 3 MLJ 14, Mahkamah Rayuan menyatakan pada ms 52:

> The principles governing sentencing have been stated on numerous occasions and we think no assistance is to be had by going through all the authorities on the subject. Suffice to say that a court should, when sentencing an accused, take into account all considerations relevant to the case, including the gravity of the offence, the circumstances surrounding the commission of the offence, the antecedents of the accused, the deterrent effect that punishment is to have, any factor that warrants special attention either in favour or against the accused and above all the public interest. Reasons must be given for imposing a particular sentence to enable an appellate court to ensure that there has been no error in principle.

ALASAN PENGHUKUMAN MAHKAMAH

**[22]** Alasan-alasan dalam menjatuhkan hukuman seperti yang dinyatakan di atas terhadap pesalah pertama dan kedua:

*(a) Pengakuan bersalah*

**[23]** Adalah menjadi rukun undang-undang yang mantap dan amalan yang

diterima bahawa pengakuan salah adalah merupakan satu faktor peringanan penghukuman dan kredit serta diskaun boleh diberikan atas pengakuan sedemikian. Rukun dan amalan ini adalah berdasarkan kepada polisi mahkamah untuk menggalakkan orang yang dituduh atau pesalah yang melakukan kesalahan membuat pengakuan bersalah bagi menjimatkan masa dan kos semua pihak yang terlibat di dalam kes terutama saksi-saksi. Kredit dan diskaun ini akan diberi walaupun terhadap seorang penjenayah yang tegar dan tidak berhati perut sekalipun (a hardened criminal) *Public Prosecutor v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74, *R v Robertshaw* (1981) 3 Cr App R (S) 77 (CA), *R v Meade* (1982) 4 Cr App R 347.

**[24]** Dalam kes ini, mahkamah telah mengambilkira pengakuan bersalah yang dibuat oleh pesalah-pesalah. Dalam kes *Public Prosecutor v Ravindran*, Hakim Visu Sinnadurai menyatakan bahawa kredit dan diskaun yang patut diberi kepada tertuduh/pesalah bukan atas hukuman maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi adalah ke atas suatu hukuman yang akan dikenakan ke atas tertuduh/pesalah jika beliau meminta bicara dan telah didapati bersalah. Takat diskaun yang boleh diberikan tidak pernah ditetapkan. *Archbold Criminal Pleading, Evidence And Practice*, (Edisi 2002) menyatakan pada ms 580:

> The extent of the 'discount' to be allowed has never been fixed, but cases in which reductions of sentence have been made by the Court of Appeal on this ground suggest that it is normally between one-fifth and one-third of the sentence which would be imposed on a conviction by a jury. In *R v Buffrey* 14 Cr App R (S) 511 (CA), Lord Taylor CJ said that there was no absolute rule as to what the discount should be, but as a general guidance, the court believed that something of the order of one-third would be an appropriate discount.

**[25]** Walau bagaimanapun, kredit dan diskaun untuk pengakuan bersalah ini hanyalah merupakan satu kenyataan rukun yang bersifat umum sahaja dan bukannya satu kemestian untuk dipakai dalam semua kes. Pengakuan bersalah ini hanya boleh memihak kepada pesalah-pesalah apabila faktor-faktor lain dan keadaan di mana sesuatu kesalahan itu dilakukan mengizinkan pertimbangan sedemikian diberikan kepada pesalah-pesalah. Ini bermakna sesuatu pengakuan bersalah tidak akan secara automatik membolehkan pesalah-pesalah mendapat hukuman yang lebih ringan. Dalam keadaan-keadaan tertentu, faktor kepentingan awam mengatasi segala faktor mitigasi yang diberikan dari pengakuan bersalah pesalah-pesalah. Lord Lane CJ di dalam kes *R v Costen* (1989) 11 Cr App (S) 182 (MR) telah menyatakan di ms 184:

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that

A a long sentence, if necessary the maximum sentence should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

*(b) Pesalah pertama*

B

**[26]** Adalah juga diterima bahawa pesalah pertama patut menerima pengurangan hukuman bagi kesalahan. 'The leniency accorded to a first offender recognises human frailty and yet shows respect for the offender as a rational individual, capable of responding to the unsure inherent in the C sentence imposed' (lihat *Mallal's Criminal Procedure*, Edisi Keenam, ms 4399). Walau bagaimanapun, ia perlu diimbangi dengan tujuan pencegahan sekiranya kesalahan yang dilakukan itu adalah serius. Dalam kes *Public Prosecutor v Yap Chong Fatt* [1963] MLJ 136, mahkamah membuat D pemerhatian seperti yang berikut (pada ms 137):

> Normally in the case of a young adult hitherto of good character where his first offence is not of great intrinsic gravity the proper course is to put him on probation. If the offence is too serious for that and merits imprisonment then a sentence of imprisonment should be imposed which will have some effect not only E on the offender but also as a deterrent and which give the Prisons Department some opportunity of trying to remedy such defect of character as there may be.

**[27]** Di dalam kes ini, pesalah-pesalah telah dituduh dengan satu kesalahan F yang boleh dihukum di bawah cabang pertama s 304 Kanun Keseksaan. Kesalahan yang telah dilakukan oleh pesalah-pesalah tidak syak lagi adalah satu kesalahan yang serius. Pesalah-pesalah telah dengan kejam dan tanpa perasaan kasihan belas menyerang dan menjerat leher si mati dengan seutas tali, menghentakkan sebuah botol Carlsberg ke atas kepala si mati serta G sebuah televisyen juga telah dihentakkan ke atas kepala si mati. Seterusnya pesalah kedua telah mengambil botol Carlsberg yang telah pecah untuk menikam bahagian leher, perut dan bahagian-bahagian lain badan si mati. Tindakan kejam kedua-dua pesalah telah mengakibatkan satu nyawa yang amat berharga melayang.

H

*(c) Pesalah-pesalah ialah seorang 'kanak-kanak'*

**[28]** Mahkamah mengambil perhatian bahawa adalah merupakan amalan yang diterima bagi menimbangkan umur yang relevan pada masa kesalahan I dilakukan. Kedudukan pesalah sebagai seorang kanak-kanak adalah merupakan salah satu daripada faktor-faktor peringanan yang paling berkesan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada fakta yang terdapat dalam kes ini, mahkamah memberi keutamaan kepada tujuan deteren kerana kesalahan yang dilakukan adalah serius.

**[29]** Pada pandangan mahkamah, berdasarkan kepada fakta kes yang dikemukakan, adalah tidak wajar untuk menjatuhkan hukuman yang ringan semata-mata kerana pesalah-pesalah termasuk di bawah tafsiran 'kanak-kanak' di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Mengikut laporan akhbar-akhbar tempatan dan kes-kes yang didaftarkan di mahkamah-mahkamah, kesalahan serius yang dilakukan oleh 'kanak-kanak' nampaknya makin meningkat dari sehari ke sehari. Jika dulunya pelakuan jenayah oleh 'kanak-kanak' hanyalah jenayah yang kecil atau 'petty offences' tetapi pada masa sekarang terdapat 'kanak-kanak' yang berani melakukan rompakan bersenjata, merogol bahkan, seperti dalam kes ini, berani membunuh. Terdapat banyak nas yang membolehkan mahkamah mengambil perhatian terhadap berleluasanya sesuatu jenis jenayah. Lihat kes-kes, antara lain, *Lee Chow Meng v Public Prosecutor* [1976] 1 MLJ 287, *Public Prosecutor v Rajendran & Anor* [1985] 2 MLJ 260, *Ong Lai Kim v Public Prosecutor and other appeals* [1991] 3 MLJ 111 dan *Public Prosecutor v Mustapha bin Abdullah* [1997] 2 MLJ 424.

**[30]** Sekiranya satu hukuman yang setimpal tidak dijatuhkan kepada pesalah-pesalah, ia akan memberi isyarat yang salah kepada 'kanak-kanak' lain dan masyarakat umum bahawa mahkamah akan menunjukkan perasaan belas kasihan dan berlembut jika mereka melakukan kesalahan tersebut. Hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah seharusnya mencerminkan perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Saya bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat Hakim Sharma dalam kes *Tan Bok Yeng v Public Prosecutor* [1972] 1 MLJ 214 pada ms 215 seperti yang berikut:

> I am quite aware that the law does provide for a lesser sentence or no sentence at all imposed upon persons of young age. There has, however, emerged in recent years in our society certain species of crimes which the alacrity of mind and body, the dare, dash and defiance of youth alone is capable of performing and producing. Law cannot, in my view, remain merely a static and a meaninglessly, ornamental and an orthodox instrument of justice, ineffective in its result and application. The social needs of the times have to be met and effectively met. It is not merely the correction of the offender which is the prime object of the punishment. The considerations of public interest have also to be borne in mind. In certain types of offences a sentence has got to be deterrent so that others who are like-minded may be restrained from becoming a menace to society.

**[31]** Oleh itu adalah wajar dalam kes ini faktor kepentingan awam ditonjolkan agar hukuman yang dijatuhkan bukan sahaja boleh memberi pengajaran kepada pesalah pertama dan kedua tetapi mencegah pesalah-pesalah lain yang sebaya dengan mereka dan anggota-anggota masyarakat lain dari melakukan kesalahan yang serupa.

*(d) 'Trend' hukuman*

**[32]** Berhubung dengan 'trend' hukuman seperti yang dihujahkan oleh peguambela kedua-kedua pesalah, mahkamah berpendapat bahawa adalah tidak realistik untuk menjatuhkan sesuatu hukuman berdasarkan 'trend' hukuman yang telah diputuskan oleh kes-kes terdahulu. Kes-kes terdahulu hanya boleh dijadikan panduan untuk mengetahui rukun-rukun penghukuman dan pengaplikasian rukun-rukun tersebut terhadap fakta sesuatu kes. Seperti yang telah dibuat pemerhatian oleh Ketua Hakim Yong Yung How [Singapura] dalam kes *Soong Hee Sin v R* [2001] 2 SLR 253:

> Any attempt to reduce the law of sentencing into a rigid and inflexible mathematical formula in which all sentences are deemed capable of being tabulated with absolute scientific precision will be highly unrealistic.... the regime of sentencing is a matter of law which involves a hotchpotch of such varied and manifold factors that no two cases can ever be completely identical in this regard. Whilst past cases are no doubt helpful and sometimes serve as critical guidelines for the sentencing court, that is also all that they are ie mere guidelines only.... At the end of the day, every case which comes before the courts must be looked at on its own facts, each particular accused in his own circumstances, and counsel be kept constantly and keenly apprised of the fact that it is just not possible to categorise cases based simply on mere numerals and decimal points.

**[33]** Dalam kes *Abdul Karim v R* [1954] MLJ 86, Pemangku Ketua Hakim Brown berkata:

> In the matter of punishment, the 'type of offence' is the concern of the Legislature, which has provided the maximum punishment which can be inflicted for a serious offence of that type. The particular offence, and the particular offender, are the concern of the court, whose business it is to decide what punishment is merited upon the facts of the individual case within the limits which the Legislature has provided. Any tendency to standardise punishment for any type of offence is to be deplored because it means that the individual offender is being punished not upon the facts of his particular case but because he has committed an offence of that type. This tendency is particularly to be resisted in imposing punishment for an offence for which the Legislature has not left a wide field of discretion to the court. (Emphasis added).

**[34]** Sekiranya dilihat 'trend' hukuman sekalipun, dengan hormat, mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujah peguambela kedua-dua pesalah bahawa 'trend' keputusan kes-kes menunjukkan bahawa 'kanak-kanak' yang tidak mempunyai rekod kesalahan yang lalu tidak wajar dipenjarakan. Adalah jelas peguambela terpelajar hanya membuat rujukan kepada kes-kes yang berpihak kepada anak guam mereka dan dengan demikian tidak menyeluruh. Terdapat banyak kes lama dan baru yang menunjukkan 'trend' hukuman yang sebaliknya. Bagi tujuan ini, mahkamah

akan hanya merujuk kepada beberapa kes seperti yang berikut: A

(a) *Public Prosecutor v Safian Abdullah & Anor*.

Dalam kes ini dua orang pesalah masing-masing berumur 20 tahun dan 21 tahun. Mereka telah mengaku bersalah atas kesalahan homisid salah tak terjumlah membunuh dan apabila tiba masa untuk penghukuman, umur pesalah telah ditimbulkan oleh peguambela. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 14 tahun terhadap kedua-dua pesalah. Dalam penghakimannya, Hakim Wan Yahya berkata: B

> It is true that the accused persons were 20 and 21 years old at the time of committing the offence, but I can find no immaturity in the manner in which they went about to execute their plans. They had planned a difficult robbery in which they were able to exercise a quality of anticipation and reasoning of matured criminals and they carried out their felonious objective mercilessly with no apparent sign of panic in the face of some resistance by the victim. Even after having mortally wounding the shopkeeper with the *kerambit* and broken bottles, they were not prepared to leave matters to chance, but instead twisted a rope around the dying man's neck and strangled him. The act of strangulating the deceased, when he was in such a state, was no doubt committed so as to preclude absolutely the possibility of identification. For all these acts of savagery both accused displayed no emotion and offered no words of remorse or repentance. They appear to me as young men of no moral compunction and a pair of ruthless criminals. I am unable to attribute their depredation to the folly or ignorance of youth. Any person, however young, who could so brutally strangle a dying man with such atrocity is in truth a sordid criminal of ferine propensity. C D E F

Selanjutnya beliau berkata pada ms 416:

> In my opinion these two accused, in spite of their ages, are dangerous young criminals of aggressive propensity. Unless they are properly reformed they will continue to be a serious menace to society. A sufficiently long period of detention will be required for their correction, reformation and rehabilitation before they can be allowed to return to society. G

(b) *Public Prosecutor v Nazarudin bin Ahmad & Ors* [1993] 2 MLJ 9. H

Dalam kes ini, umur tertuduh pertama menjangkau 18 tahun, tertuduh kedua berumur 27 tahun dan mempunyai rekod sabitan yang lampau dan tertuduh ketiga pula merupakan seorang juvana pada masa kejadian. Ketiga-tiga tertuduh telah mengaku bersalah terhadap suatu tuduhan homisid salah tidak terjumlah membunuh yang boleh dihukum di bawah cabang pertama s 304 Kanun Keseksaan. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun terhadap tertuduh pertama, sembilan tahun terhadap tertuduh kedua dan lima tahun terhadap pesalah ketiga. I

(c) *Kong Teng Soon & Anor v Public Prosecutor* [2002] 2 AMR 1357. Dalam kes ini, pesalah pertama berumur 18 tahun dan pesalah kedua berumur 17 tahun semasa kesalahan dilakukan. Mahkamah Rayuan telah menjatuhkan hukuman sembilan tahun terhadap kesalahan homisid salah tidak terjumlah membunuh yang boleh dihukum di bawah s 304 Kanun Keseksaan.

(d) *Public Prosecutor v Low Kian Boon & Ors* [2006] 6 MLJ 254. Pesalah berumur 18 tahun 10 bulan semasa kesalahan dilakukan dan berumur 21 tahun 2 hari semasa tarikh penghukuman. Selepas berakhir perbicaraan kes, pesalah telah dihukum sepuluh tahun penjara. Pesalah mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan melakukan homisid salah tidak terjumlah membunuh yang boleh dihukum di bawah s 304 Kanun Keseksaan. Pesalah dihukum penjara sepuluh tahun. Hakim KN Segara (sebagaimana beliau ketika itu) berkata:

> [82] Serious crimes committed by youth seems to be in the rise and wrong signals would be sent to youths and the public at large in believing that the courts would be ever so indulgent to treat them with kid gloves, should they ever be convicted of such crimes, if deterrent sentences are not meted out to impress upon these youths and like minded offenders that crime does not pay.

(e) *Sama ada pesalah kedua wajar dihantar ke Sekolah Henry Gurney*

**[35]** Mahkamah telah memberi pertimbangan kepada laporan akhlak (eksh P18) dan gesaan peguambela pesalah kedua supaya dia dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Ekshibit P18 tidak mengesyorkan pesalah kedua dihantar ke Sekolah Henry Gurney tetapi menyatakan 'Penama telah mengaku salah namun pertuduhan yang dihadapkan kepadanya adalah serius. Walau bagaimanapun, berdasarkan faktor-faktor di atas adalah disyorkan, bersama dengan laporan dari Penolong Pegawai Kebajikan Penjara Simpang Renggam, Kluang, Johor, maka adalah disyorkan penama dilepaskan kepada keluarga dan diberi peluang sekali lagi. Walau bagaimanapun, adalah diserahkan laporan ini untuk pertimbangan Yang Arif Tuan Hakim'.

**[36]** Dengan hormat, berdasarkan keadaan yang wujud dalam kes ini, mahkamah berpendapat pesalah kedua tidak sesuai untuk diuruskan menurut s 96(2) Akta Kanak-Kanak 2001 kerana kesalahan yang telah dilakukan adalah serius dan melihat cara bagaimana kesalahan dilakukan oleh pesalah kedua bersama-sama dengan pesalah pertama, mereka adalah penjenayah muda yang berbahaya dan berkecenderungan agresif dan memerlukan pemulihan dalam masa yang panjang. Pada tarikh penghukuman, pesalah kedua berumur 20 tahun. Oleh itu, jika beliau perintahkan untuk dihantar

ke Sekolah Henry Gurney, beliau akan berada di sekolah tersebut selama satu tahun sahaja iaitu sehingga berumur 21 tahun (lihat s 75(2)(ii) Akta Kanak-Kanak 2001). Pada pandangan mahkamah, tempoh yang singkat adalah tidak memadai untuk memberi pemulihan yang diperlukan untuk mendorong pesalah kedua daripada cara-cara penghidupan jenayah kepada penghidupan yang sebenar.

**[37]** Peranan yang dimainkan oleh pesalah kedua dalam kes ini tidak kurang kejamnya daripada peranan pesalah pertama. Seperti yang dinyatakan dalam fakta kes, pesalah kedua telah mengambil seutas tali dan menjerut leher si mati. Pesalah kedua juga telah mengambil botol Carlsberg yang telah pecah untuk menikam bahagian leher, perut dan bahagian-bahagian lain si mati. Oleh itu, selain daripada faktor umur, tidak terdapat alasan-alasan yang mewajarkan hukuman terhadap pesalah kedua berlainan dengan hukuman terhadap pesalah pertama.

**[38]** Sekiranya mahkamah menjatuhkan hukuman yang berbeza terhadap pesalah kedua, dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, akan berlaku ketidakseimbangan hukuman ('disparity of sentence') yang serius. Ujian yang perlu dipakai dalam hal ini ialah seperti yang telah dinyatakan oleh Lawton LJ dalam kes *R v Fawcett* (1983) 5 Cr App R (S) 158 iaitu:

> would right-thinking members of the public, with full knowledge of the relevant facts and circumstances, learning of this sentence consider that something had gone wrong with the administration of justice.

**[39]** Pada pandangan mahkamah, sekiranya pesalah kedua dihantar ke Sekolah Henry Gurney dan pesalah pertama dihukum sepuluh tahun penjara, sesuatu yang tidak wajar dan teratur telah berlaku dalam penghukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah.

*Pesalah-pesalah dihukum penjara.*

Reported by Sally Kee